PM dijangka temui Suu Kyi dalam lawatan ke Myanmar

UM 6 AUG 2002

KUALA LUMPUR 5 Ogos – Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dijangka menemui pemimpin pembangkang terkemuka Myanmar, Aung San Suu Kyi semasa lawatan beliau ke negara itu, pertengahan bulan ini.

Bagaimanapun, menurut sumber Kementerian Luar, pertemuan atas permintaan pemimpin Parti Liga Demokrasi Kebangsaan (NLD) itu, bukanlah bermakna Malaysia cuba campur tangan dalam hal ehwal politik negara berkenaan.

"Pendekatan yang kita amalkan masih lagi perundingan berterusan dengan pemimpin junta tentera negara itu, ini juga sejajar dengan prinsip ASEAN yang tidak mencampuri urusan dalaman sesebuah negara anggota," kata sumber itu, di sini hari ini.

Sumber itu memberitahu, lawatan rasmi selama dua hari yang bermula pada 18 Ogos ini merupakan lawatan balas kedua Dr. Mahathir kerana beliau pernah melawat Myanmar, awal Januari tahun lalu.

Lawatan itu adalah sebagai membalas lawatan Perdana Menteri Myanmar, Jeneral Kanan Than Shwe ke Malaysia sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1996 dan September lalu.

"Lebih menarik, lawatan itu dibuat selepas bekas Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang juga Utusan Khas PBB ke Myanmar, Tan Sri Razali Ismail menyambung misinya ke negara itu awal bulan ini," kata sumber itu.

Walaupun Myanmar, jelas sumber itu, masih dipinggirkan oleh Barat dan didakwa menekan gerakan prodemokrasi, peranan Malaysia sebagai perantara rundingan antara PBB dan junta negara itu berjaya membawa banyak perubahan dalam politik Myanmar.

Malah menurut sumber itu lagi, pembebasan Suu Kyi, pemenang Hadiah Nobel pada tahun 1991 dan anak kepada pejuang kemerdekaan Myanmar, Aung San yang dibunuh pada 1947, merupakan hasil inisiatif Malaysia.

"Justeru, kemasukan Myanmar sebagai anggota ASEAN pada Julai 1997 atas usaha Malaysia walaupun ditentang keras oleh Barat, mula membuahkan hasil positif apabila kerajaan negara itu membebaskan 43 orang tahanan politik minggu lalu," ujar sumber berkenaan.

Malaysia dilantik oleh Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan untuk cuba menyelesaikan konflik di Myanmar antara kerajaan pimpinan Than Shwe, yang juga pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara Myanmar dan pemimpin NLD, Suu Kyi.

Lawatan Dr. Mahathir itu, kata sumber, pasti menaikkan imej beliau khasnya dan Malaysia amnya di pentas antarabangsa sebagai pejuang negara-negara Dunia Ketiga selain memperbaiki hubungan perdagangan antara kedua-dua negara serantau.

Malaysia merupakan pelabur keenam terbesar di Myanmar dengan terbabit aktif dalam 12 projek berjumlah RM1.248 bilion.

Sementara itu agensi berita AFP melaporkan, Aung San Suu Kyi meminta untuk mengadakan pertemuan dengan Dr. Mahathir ketika lawatan berkenaan.

Pegawai itu berkata, kemungkinan pertemuan itu diadakan amat cerah tetapi Malaysia akan mendanatkan kelulusan daripada junta tentera Myanmar terlebih dahulu.